

26 OCT 2002

Mahathir-Patriotisme

TERUS PUPUK SEMANGAT PATRIOTISME, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Semangat patriotisme di kalangan rakyat amat diperlukan dalam keadaan negara yang masih terdedah kepada kemungkinan dijajah semula, kali ini dalam bentuk ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata 'penindasan ekonomi' itu mungkin dilakukan melalui proses globalisasi ataupun melalui beberapa kaedah lain.

"Kita boleh mempunyai pendapat yang berbeza dalam politik dalam negara, itu tak mengapa tetapi apabila kita berhadapan dengan kemungkinan orang lain menjajah kita, menguasai kita, kita patut rapatkan barisan, itulah makna patriotisme," katanya.

"Kita rapatkan barisan, kita lupakan tentang perselisihan antara kita supaya kita dapat tumpu kepada usaha mempertahankan negara kita," katanya ketika berdialog dengan para peserta Kongres Patriotisme Kebangsaan di Pusat Latihan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Bangi, dekat sini.

Beliau berkata walaupun negara telah berjaya mengatasi beberapa cabaran, namun rakyat tidak harus berpuas hati dan perlu menyumbang kepada ketahanan negara.

"Alhamdulillah kita berjaya sebenarnya sebab itu kita adalah antara beberapa negara kecil, negara membangun yang mampu menyuarakan pendapat kita, mengkritik walaupun terhadap kuasa besar," katanya.

Perdana Menteri berkata disebabkan sokongan padu rakyat terhadap kerajaan, Malaysia tidak gentar menyuarakan pandangan di peringkat antarabangsa dan dihormati oleh negara-negara lain.

Beliau memberi contoh bahawa surat yang ditulisnya kepada pemimpin-pemimpin dunia mendapat jawapan termasuk daripada Presiden Amerika Syarikat George W. Bush.

"Kita tak bersetuju dengan mereka, kita masih boleh kata tak setuju, tapi banyak negara lain tak mungkin berbuat demikian kerana mempunyai pemerintahan atau kerajaan yang lemah yang tidak mendapat sokongan bulat daripada rakyat," katanya.

-- BERNAMA

NN AZZ PR